

28 SEP 2003

Sweden-Perniagaan (Bergambar)/I

PERTEMUAN DENGAN PENIAGA SWEDEN BERHASIL, KATA PENERUS AGRITASIA

Oleh: Jackson Sawatan

STOCKHOLM, 28 Sept (Bernama) -- Salah seorang ahli perniagaan Malaysia yang menyertai lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sweden baru-baru ini menganggap kunjungan itu sebagai berhasil.

Pengerusi Agritasia Indah Sdn Bhd, Salim Sulaiman berkata lawatan itu telah berjaya membuka beberapa peluang baru dalam bidang perniagaan, selain memperkukuhkan lagi jaringan yang telah sedia wujud antara peniaga serta syarikat Malaysia dan rakan mereka di negara Eropah utara ini.

Dalam temubual dengan Bernama di sini, Salim berkata semasa lawatan tiga hari itu, beliau telah menemui beberapa wakil syarikat Sweden dan berbincang dengan mereka tentang bidang kerjasama yang boleh diterokai oleh kedua-dua pihak.

"Kita sedang meneliti khususnya peluang untuk melabur di sebuah syarikat pengeluar trak terkemuka Sweden yang tersenarai dalam bursa saham Sweden. Syarikat itu pada dasarnya telah mempelawa Agritasia Indah untuk membeli saham-sahamnya sebagai pegangan jangka panjang," katanya.

Salim, 44, berkata Agritasia Indah dan syarikat berkenaan sedang dalam proses perbincangan dan pertemuan lanjut di Kuala Lumpur tidak lama lagi.

Agritasia Indah yang ditubuhkan 12 tahun lepas, giat melabur dalam syarikat Malaysia yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Salim berkata sekiranya rundingan antara pihaknya dengan syarikat Sweden itu membuahkan hasil, maka Agritasia Indah akan mencapai satu lagi kemajuan dalam wawasannya untuk bergiat di luar negara dan menjadi pelabur bertaraf global.

"Walaupun bermula secara kecil-kecilan, tapi kami mampu tingkatkan pegangan secara beransur-ansur," katanya.

-- BERNAMA

JS KHY SP PR